

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16 SEPTEMBER 2016

# Belum masa bincang bebaskan Anwar: Mahathir

BH - 16/9/2016

**Kuala Lumpur:** Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad, berasa masanya belum tiba untuk membincangkan perjuangannya membebaskan bekas ketua pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, agenda yang dinyatakan Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin, baru-baru ini, tidak dapat dijanjikan dan hanya akan dipertimbang jika parti itu menjadi kerajaan.

“Segala rancangan yang ingin dibuat oleh semua parti itu akan

datang kemudian. Pada masa ini, kita tidak boleh janji kerana kita tidak ada kuasa.

“Kalau itu kehendak semua, takkan kita nak kata tidak boleh pula. Kita akan lihat kemudian mengenai perjuangan (bebaskan Anwar) itu,” katanya di sini, semalam.

Beliau bercakap kepada pembedita di luar Mesyuarat Tahunan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) peringkat kebangsaan ke-55.

Dr Mahathir juga belum membuat keputusan untuk menghadiri perhimpunan Bersih 5 dan tiada

rancangan untuk berucap pada perhimpunan yang dijangka diadakan pada 19 November itu.

Sementara itu, mesyuarat dua hari PERKIM yang berakhir semalam, memilih calon Ahli Majlis Kebangsaan.

Dr Mahathir menang tanpa bertanding bagi mengekalkan jawatan Yang Dipertua PERKIM bagi sesi 2016-2019 manakala Datuk Dr Abu Bakar Shaari kekal sebagai pengerusi tetap, menewaskan calon dari cawangan Kuala Langat, Husain Anjang Pulau.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang men-



Segala rancangan yang ingin dibuat oleh semua parti itu akan datang kemudian. Pada masa ini, kita tidak boleh janji kerana kita tidak ada kuasa”

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Pengerusi PPBM

jadi Naib Yang Dipertua PERKIM, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, berkata 'Bebaskan Anwar' tidak patut dijadikan agenda perjuangan dan jika ia dilaksanakan, pembangkang perlu memperjuangkan pembebasan tahanan lain di negara ini.

“Kalau nak bebaskan Anwar, kena bebaskan semua. Jika perjuangan nak bebaskan individu tertentu, bagaimana nasib ramai lagi tahanan lain.

“Mungkin mereka (tahanan lain) kecil jadi mereka tidak dilihat,” katanya.

**BERNAMA**